

Gesa atasi tebing sungai terhakis

Kulim: Lima keluarga yang mendiami kawasan berhampiran tebing Sungai Ular di Kampung Sungai Ular, di sini, merayu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri supaya mengambil tindakan bagi membaiki tebing sungai itu yang semakin terhakis.

Abdul Latiff Abdullah, 43, berkata, masalah itu berlaku sejak awal bulan ini berikutan hujan lebat menyebabkan paras

air Sungai Ular meningkat hingga menghakis tebingnya.

"Nasib baik keadaan sekarang ini musim panas menyebabkan kesan hakisan tidak berlaku lagi kerana paras air sungai rendah, namun perkara ini tidak akan bertahan lama sekiranya musim hujan.

"Kedudukan rumah saya dengan tebing yang runtuh ini hanya kira-kira satu meter saja dan saya bimbang keadaan semakin

buruk sekiranya hujan lebat.

"Sekiranya sisa pokok kelapa sawit yang tumbang ini tidak dibersihkan mungkin ia akan menyekat aliran air sungai dan sampah akan tersangkut. Jika paras air sungai meningkat naik maka kesan hakisan yang lama mungkin akan menjadi lebih buruk," katanya ketika ditemui, di sini, baru-baru ini.

Menurut Abdul Latiff, selain rumahnya, empat rumah penduduk juga berada dalam keadaan bahaya kerana terletak berhampiran sungai berkenaan.

FAKTA

Sisa pokok kelapa sawit tidak dibersihkan sekat aliran air



ABDUL Latiff menunjukkan tebing runtuh.